

EKONOMI SINGAPURA

Diramal tumbuh bawah 4 peratus

Oleh SURYANI OMAR
suomar@sph.com.sg

EKONOMI Singapura besar kemungkinan akan tumbuh antara 3 peratus dengan 4 peratus, lebih rendah daripada ramalan pemerintah disebabkan masalah pasaran kewangan di Amerika Syarikat yang mengegar pasaran kewangan sejagat, kata Penolong Profesor, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Dr Choy Keen Meng.

Kesan keruntuhan bank Lehman Brothers di Amerika Syarikat kepada ekonomi Singapura bergantung kepada tindakan Lembaga Simpanan Federal Amerika dan bank-bank di sana,

selain bagaimana ia menjejaskan keyakinan pelabur dan pengguna.

"Buat masa ini, sentimen di kalangan pelabur dan pengguna sudah lemah, dan dengan berita buruk dari sektor kewangan Amerika, ia memburukkan lagi keadaan," kata Dr Choy.

Beliau berpendapat terdapat kemungkinan sekurang-kurangnya 50 peratus pertumbuhan Hasil Kasar Dalam Negeri (GDP) Singapura akan tumbuh di bawah ramalan pemerintah iaitu antara 4 peratus dengan 5 peratus.

Ini walaupun pasukannya daripada Pusat Pertumbuhan Ekonomi, Divisyen Ekonomi,



FOTO FAIL

DR CHOY: GDP Singapura mungkin tumbuh kurang 4 peratus.

Sekolah Sains Kemasyarakatan, NTU meramalkan pertumbuhan bagi Singapura akan mencapai 4 peratus tahun ini.

Ramalan pasukan tersebut dibuat sebelum

berita keruntuhan bank pelaburan Lehman Brothers yang memohon status perlindungan muflis kelmarin.

"Berita buruk ini hanya permulaan kepada lebih banyak pendedahan," kata Dr Choy lagi.

Inflasi dijangka reda bagi suku ketiga dan keempat tahun ini, dan mencapai 6.7 peratus bagi sepanjang tahun.

Namun, Dr Choy berpendapat bahawa Penguasa Kewangan Singapura (MAS) akan memperketatkan lagi dasar kewangan atau tidak membuat sebarang perubahan kepada nilai mata wang Singapura apabila MAS bertemu bagi mesyuarat mengenai dasar ke-

wangan Singapura bulan depan.

Membentangkan ramalan bagi pasaran buruh, Dr Randolph Tan, juga dari NTU, berkata pasaran buruh Singapura bagi separuh kedua tidak akan mencapai prestasi sebaik separuh pertama tahun ini dan akan bertambah lemah tahun depan.

Bagi 2008, sebanyak 241,000 pekerjaan baru dijangka direka dan kadar pengangguran akan mencapai 2.3 peratus.

Malah jumlah pekerjaan baru yang akan diwujudkan tahun depan diramalkan akan merosot kepada hanya 150,000 dengan kadar pengangguran meningkat kepada 2.4 peratus.